



**Nestlé** Good food, Good life

# Siaran Media

Petaling Jaya, 19 April 2023

## **Nestlé Ice Cream Malaysia Berkongsi Keceriaan Raya**

### **Dengan Masyarakat Memerlukan**

*Lebih 10,000 pain Aiskrim Nestlé LA CREMERIA diagihkan kepada lebih daripada 2,000 keluarga dan kumpulan masyarakat dengan kerjasama Uncle Kentang*

**PETALING JAYA, 19 APRIL** – Demi berkongsi keceriaan Raya dan menjadikan sambutan lebih manis bagi masyarakat memerlukan, Nestlé Ice Cream Malaysia telah berganding bahu dengan aktivis sosial dan dermawan Kuan Chee Heng, yang lebih popular dikenali sebagai Uncle Kentang, untuk mengagihkan sejumlah 10,000 pain Aiskrim Nestlé LA CREMERIA Chocolate Brownie Fudge & Butter Cookies yang dilancarkan baru-baru ini sebagai sebahagian daripada kempen Raya Together-gether Bersama Nestlé LA CREMERIA.

Turut sama menyampaikan pain aiskrim di majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, Juan Aranols, serta pasukan Nestlé Ice Cream Malaysia yang diketuai oleh Pegawai Eksekutif Perniagaan, Teo Heng Keat. Lebih daripada 2,000 keluarga telah menerima aiskrim, dan kebanyakan mereka terdiri daripada keluarga B40.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé Malaysia Berhad, berkata, "Sambil umat Islam semakin rancak membuat persiapan untuk menyambut ketibaan Syawal, kami juga mahu menyantuni golongan yang memerlukan dan menyumbang kepada masyarakat demi menyebarkan semangat kemeriahinan Raya. Justeru, kami berbesar hati untuk berkerjasama dengan Uncle Kentang dan Empire Project untuk membawakan detik-detik manis bersama aiskrim Nestlé LA CREMERIA menerusi kempen ini. Kami

amat mengerti senyuman yang terukir di wajah insan ketika menikmati hidangan aiskrim yang lazat. Kami berharap sumbangan kecil ini akan menjadikan sambutan dan pertemuan keluarga sempena Hari Raya lebih bermakna lagi bagi golongan memerlukan."

Aktivis sosial En. Kuan Chee Heng, aka Uncle Kentang menambah, "Usaha ini merupakan satu inisiatif murni oleh Nestlé Ice Cream untuk berkongsi keriangan dan rezeki sempena sambutan Hari Raya. Pemberian kecil seperti ini amat bermakna, dan menunjukkan kepada golongan kurang bernasib baik bahawa kita prihatin tentang nasib mereka, sambil menyatukan masyarakat dan membawakan saat istimewa menikmati aiskrim yang lazat. Kami berharap sumbangan ini akan mendorong pihak-pihak lain untuk turut menabur budi pada musim perayaan dan membantu golongan memerlukan bersama-sama menikmati perayaan."

Kempen Raya Together-gether Bersama Nestlé LA CREMERIA bertujuan membawa keseronokan dan keceriaan Raya kepada semua orang, seperti yang dirasai oleh semua penerima sumbangan. Untuk pengguna yang berminat, aiskrim lemak berkrim Nestlé LA CREMERIA Chocolate Brownie Fudge & Butter Cookies boleh didapati di semua pasar raya dan pasar raya besar di seluruh negara. Pilihan terbaharu kepada rangkaian Nestlé LA CREMERIA ini membawakan nikmat kelazatan dan kemewahan penuh perisa untuk semua penggemar coklat.

###

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila

layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456

+6012-235 6865

E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

**Shahida Irawan atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

+60 19 688 7204 (Shahida) atau

E-mel: +6017 237 9048 (Yasmin)

[acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)